

20 AUG 1996

Law - Florikultur

PELBAGAI LANGKAH UNTUK MEMAJUKAN INDUSTRI FLORIKULTUR

SHAH ALAM, 20 Ogos (Bernama) -- Kerajaan mengambil pelbagai langkah dan strategi bagi memajukan industri florikultur bagi menjadikannya satu daripada industri utama yang menyumbang kepada pendapatan negara, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding hari ini.

Beliau berkata, daripada RM1,000 juta yang disediakan bagi aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7), kira-kira 30 peratus diperuntukkan bagi sektor pertanian termasuk industri florikultur.

"Industri florikultur boleh menghasilkan pendapatan yang lumayan jika dimajukan dengan sempurna," kata beliau selepas merasmikan Persidangan Asia Pasifik mengenai Fisiologi Tumbuh-tumbuhan (ASPACOPP '96) kali kedua di sini.

Menurut Law, walaupun industri berkenaan berpotensi besar di negara ini tetapi ia tidak dieksploitasikan sepenuhnya untuk menjadikannya sektor komersil yang terbesar.

Dalam hubungan ini, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah diminta memainkan peranan aktif bagi mengurangkan peranan orang tengah dalam industri berkenaan supaya pengeluar dapat memasarkan produk secara terus.

"Singapura kini mengimport bunga-bunga dari Malaysia dan mengeksportnya semula ke negara tetapi kami mahu menggalakkan pengeluar bunga terbabit dalam pemasaran secara terus dan tidak melalui negara ketiga," kata beliau.

Law berkata penekanan harus diberikan bagi memperbaiki kemudahan di pelabuhan di lapangan terbang kerana di situ, bunga-bunga dibawa sebelum dieksport.

Malaysia mengeksport bunga-bunga seperti Ros dan Orkid bernilai kira-kira RM50 juta setiap tahun ke Jepun, Singapura, Taiwan, Thailand dan Hong Kong.

Law juga berkata kerajaan sedang merancang untuk menjemput saintis yang berkhidmat di negara luar menganggotai panel yang meluluskan peruntukan kepada institusi dan pertubuhan yang memohon peruntukan bagi aktiviti R&D.

"Untuk tahun ini, sebanyak 2,400 pertubuhan telah memohon peruntukan bagi aktiviti R&D dan 900 telah diluluskan sementara selebihnya sedang diproses," kata beliau.

Persidangan tiga hari bertemakan "Cabaran bagi Fisiologi Tumbuh-tumbuhan dalam Seribu Tahun Akan Datang" itu ialah anjuran bersama Persatuan Fisiologi Tumbuh-tumbuhan Malaysia (MSPP), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan International Association of Plant Physiology.

Kira-kira 250 peserta dari 18 negara termasuk China, Vietnam, Singapura dan Australian menyertai persidangan itu.

Lima puluh kertas kerja akan dibentangkan untuk perbincangan, antaranya, mengenai penyelidikan fisiologi tumbuh-tumbuhan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan dasar pada persidangan itu esok. -- BERNAMA

RV FAZ